



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**KOMITMEN DAN SOKONGAN MOSTI MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN
TEKNOLOGI BAHARU DALAM INDUSTRI AGRIKOMODITI**

KUALA LUMPUR, 27 Julai 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menyatakan komitmen dan sokongan untuk memperkasakan pembangunan teknologi baharu dalam industri agrikomoditi dan mengajak syarikat teknologi tempatan untuk meneroka dana-dana yang disediakan bagi mempercepatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr Adham Baba dalam ucapannya pada Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia (MiACES) 2022 anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) berkata, "MOSTI telah menganjurkan program latihan *upskilling deeptech and future skills* bagi membantu industri mendapatkan pekerja yang berkredibiliti dan mempunyai kemahiran kompeten selain membangunkan kapasiti pekerja menerusi pendedahan kepada keperluan sebenar industri."

Tambah YB Dato' Sri Dr Adham Baba, program ini bertujuan untuk membantu Keluarga Malaysia yang mempunyai latar belakang kemahiran sains, teknologi dan inovasi khususnya di kalangan mereka yang hilang pekerjaan berikutan terkesan dengan pandemik untuk kembali bekerja dan seterusnya menjana pendapatan.

MOSTI dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya seperti Malaysian Research Accelerator Technology and Innovation (MRANTI) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) akan bekerjasama dan menyokong KPPK serta pemain industri agrikomoditi. Perkara ini dapat dilakukan menerusi proses transformasi dan adaptasi teknologi, R&D serta pengkomersialan teknologi yang MOSTI yakini dapat membantu menambah baik industri.

Sehubungan itu, syarikat korporat serta peladang dan pekebun kecil dialu-alukan untuk berinteraksi dengan agensi-agensi di bawah MOSTI dan juga syarikat teknologi yang disokong oleh MOSTI bagi mendapatkan bantuan serta sokongan yang disediakan.

Pada masa yang sama, MOSTI turut menjemput ekosistem perladangan dan komoditi untuk tampil mendapatkan sebarang khidmat nasihat berhubung penyelesaian teknologi yang ditawarkan untuk diguna pakai secara meluas bagi peladang dan pekebun kecil tempatan.

MIACES 2022 yang dirasmikan semalam oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, berlangsung selama tiga (3) hari bermula 26 hingga 28 Julai 2022 di Pusat Perdagangan dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur melibatkan penyertaan daripada 39 buah negara dan lebih 350 syarikat antarabangsa.

Ekspo dan sidang kemuncak ini menampilkan produk-produk komoditi, perkhidmatan dan teknologi perladangan terkini di bawah satu bumbung. Pelbagai acara lain turut dianjurkan antaranya persidangan, perbincangan meja bulat, mesyuarat *business to business* (B2B) dan malam anugerah berprestij bagi menghargai sumbangan pemain industri agrikomoditi.

MIACES 2022 dilihat sebagai medium memperkukuhkan rangkaian kerjasama antara pemain agrikomoditi bagi membina rangkaian urus niaga serta meneroka potensi pelaburan dalam sektor agrikomoditi. Ia juga membuka ruang dan potensi bagi pemain industri menembusi pasaran antarabangsa dalam persekitaran perniagaan yang kondusif.

Untuk maklumat lanjut MIACES 2022, boleh layari myagricommodity.com.

TAMAT

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
27 JULAI 2022**